

CCoE Blackberry berpotensi jadi destinasi antarabangsa

Penubuhan pusat kecemerlangan siber kongsi kepakaran hadapi ancaman kian meningkat

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Hazwan Faisal Mohamad
bhbiz@nstp.com.my

Penubuhan Pusat Kecemerlangan Keselamatan Siber (CCoE) Blackberry di Malaysia mempunyai potensi untuk menjadi destinasi antarabangsa dalam menangani ancaman siber yang kian meningkat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata universiti, institusi penyelidikan dan pengamal mahir dari Malaysia serta Kanada boleh dihimpunkan untuk berkongsi pengetahuan, risikan ancaman, seterusnya bersama membangunkan kaedah, selain strategi untuk mengukuhkan daya tahan siber nasional dan serantau.

Katanya, CCoE adalah peristiwa penting dalam perjalanan negara ke arah mewujudkan ekosistem keselamatan siber yang teguh, memerlukan perkongsian kukuh merentas sektor awam dan swasta.

“Menuju ke arah persekitaran digital lebih selamat, kita

boleh bekerjasama untuk membangunkan rancangan yang menggalakkan perkongsian maklumat dan pertukaran kepakaran antara agensi kerajaan dan pihak berkepentingan lain termasuk berkongsi perisikan ancaman yang boleh diambil tindakan.

“Kami memuji Blackberry kerana membantu meningkatkan kemahiran pertahanan siber generasi seterusnya, sekali gus mempercepatkan matlamat untuk memperkukuh keselamatan dan inovasi negara dan serantau.

“Malaysia ketika ini kekurangan 12,000 pekerja profesional keselamatan siber dan memerlukan 25,000 pekerja keselamatan siber menjelang 2025,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pembukaan CCoE Blackberry di Cyberjaya, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Penggalakan Eksport, Perdagangan Antarabangsa dan Pembangunan Ekonomi Kanada, Mary Ng dan Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil.

Capai matlamat bersama

Mengulas lanjut, Anwar berkata, sebagai lokasi yang dipilih untuk penubuhan CCoE, Malaysia berhasrat untuk mencapai matlamat bersama untuk mewujudkan ekosistem kemahiran dan pembelajaran yang berdaya saing di peringkat global di rantau Indo-Pasifik.

“Kami membayangkan pusat ini sebagai hab pembinaan kapasiti untuk rantau Asia Tenggara



Anwar ketika merasmikan Pusat Kecemerlangan Keselamatan Siber yang turut dihadiri Fahmi dan Ng di Cyberjaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

dengan tumpuan khusus untuk meningkatkan perkongsian perisikan ancaman, dan memupuk kerjasama serantau dalam mengurangkan ancaman keselamatan siber dan memerangi jenayah siber.

“Dengan menjalin perkongsian antarabangsa, khususnya yang memanfaatkan teknologi canggih seperti kecerdasan buatan dan pembelajaran mesin,

menunjukkan kepentingan dalam pertumbuhan positif trajektori ekonomi kita.

“Melalui kerjasama strategik ini, kita bukan sahaja merangsang kemajuan dan kemakmuran ekonomi, tetapi juga meningkatkan daya tahan infrastruktur keselamatan siber kita terhadap pelbagai risiko yang melanda landskap digital, dengan memastikan data negara,

perbualan dan rakyat selamat,” katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan telah berusaha keras untuk menarik pelaburan langsung asing (FDI) yang mencatatkan peningkatan RM329.5 bilion pada 2023, paras tertinggi dalam sejarah.

Katanya, ini memberi petanda baik untuk 2024 dan mencerminkan peningkatan keyakinan pelabur terhadap Malaysia.

“Usaha ini akhirnya akan mewujudkan peluang pekerjaan bernilai tinggi kepada rakyat, seiring dengan Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat.

“Di bawah kerangka kerja ini, kerajaan juga telah memperkenalkan pelbagai inisiatif untuk membantu mempercepatkan pertumbuhan perusahaan dan perkhidmatan untuk meningkatkan produktiviti mereka dengan ketara serta mengembangkan kecekapan keselamatan siber Malaysia dalam domain digital,” katanya.

Sementara itu, Ng berkata, pada era digital ini, keperluan global untuk penyelesaian keselamatan siber yang inovatif terus berkembang.

“Saya gembira kerana kepakaran Kanada dalam bidang ini membantu mewujudkan ruang siber yang lebih selamat di Malaysia.

“Pengumuman hari ini oleh BlackBerry adalah contoh jelas bagaimana strategi Indo-Pasifik dan Kanada menyokong usaha untuk mengurangkan dan menangani ancaman keselamatan di rantau ini,” katanya.